

Kikis imej jaguh kampung: PM

BH 09 JUN 1993

BANGI, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan atlet negara mengikis imej jaguh kampung dan sebaliknya menyimpan cita-cita untuk menjadi juara dunia.

Perdana Menteri berkata, imej negara turut terjejas berikutan gelaran itu dan ia menjadi bahan ejekan negara lain kerana "kita hanya handal di gelanggang sendiri".

"Atlit perlu menentukan disiplin mereka berada pada tahap tinggi sehingga mampu menguasai akal fikiran dan badan mereka sendiri.

"Sekiranya ini dapat dicapai, atlit tidak perlu bergantung kepada kuasa luar seperti sokongan penonton untuk mencatat kejayaan,"

katanya ketika menyampaikan amanat di majlis Penyampaian Bendera Malaysia kepada Kontinjen Negara ke Sukan Sea di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, negara menaruh harapan tinggi kepada atlit Malaysia yang menyertai Sukan Sea di Singapura supaya berdisiplin dan bersemangat tinggi.

Menurut beliau, hanya dengan disiplin diri yang mantap, kejayaan akan dicapai walaupun atlit berkenaan tidak mendapat sokongan penyokong ketika bertanding di luar negara.

Beliau melahirkan rasa ke-sal kerana kejayaan pasukan sukan negara hanya dapat di-

capai apabila pertandingan dijalankan dalam negeri.

"Kecemerlangan merosot apabila mereka menyertai kejohanan sukan di luar negara.

"Kita dapati atlit lebih berjaya jika pertandingan itu diadakan dalam negeri, ketika ramai penyokong berada bersama dan kemenangan disebabkan tepuk sorak.

"Jika atlit kita terlalu bergantung kepada tepuk sorak penyokong baru kita mencapai kejayaan, ini bermakna, kejayaan atau kemenangan itu bukan bergantung kepada fizikal tetapi bergantung sokongan penyokong," katanya.

Perdana Menteri berkata, atlit negara seharusnya mempunyai disiplin diri yang ting-

gi dan mampu menguasai akal fikiran mereka selain mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi juara dunia.

"Walaupun hasrat menjadi juara dunia tidak boleh dicapai sekarang tetapi usaha ke arah itu hendaklah dimulakan pada peringkat rendah lagi," katanya.

Beliau berkata, selain disiplin tinggi, atlit juga perlu mempunyai semangat kuat yang datang dari hati kecil dan bukan arahan dari pihak atasan semata-mata.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan geran bantuan kerajaan bernilai RM500,000 kepada Pengerusi Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah, untuk Sukan Sea.